



**INFORMASI
ANTIPEMERDAGANGAN ORANG
DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN**


Diterbitkan Oleh :

Sekretariat Majlis Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran
Kementerian Dalam Negeri
Aras 8, Blok D2, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546, Putrajaya
Tel : 03-8886 3149 Faks : 03-8889 1742
www.moha.gov.my


1) AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN 2007

Suatu Akta untuk mencegah dan memerangi pemerdagangan orang dan penyeludupan migran dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berkaitan dengannya.


2) 3 ELEMEN DALAM PEMERDAGANGAN ORANG



3) MAJLIS ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN



4) AHLI MAJLIS ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN



5) PEMERDAGANGAN ORANG – DEFINISI :

Pemerdagangan orang ertinya segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan, dan termasuklah perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang. (*Seksyen 2 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007*)

6) PENYELUDUPAN MIGRAN – DEFINISI :

Penyeludupan migran ertinya mengatur, memudahkan atau merancang, secara langsung atau tidak langsung, kemasukan seseorang secara tidak sah ke dalam atau melalui, atau pengeluaran seseorang secara tidak sah dari mana-mana Negara yang orang itu bukan warganegara atau pemastautin tetap sama ada dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kemasukan atau pengeluaran orang itu adalah tidak sah dan merekrut, mengangkut, memindahkan, menyembunyikan, melindungi atau menyediakan apa-apa bantuan atau perkhidmatan bagi tujuan melaksanakan perbuatan yang disebut di atas. (*Seksyen 2 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007*)

7) APA ITU EKSPLOITASI?

Segala bentuk eksploitasi seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian, apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia (*Seksyen 2 Akta Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran 2007*)

8) PEMERDAGANGAN ORANG VS PENYELUDUPAN MIGRAN

PEMERDAGANGAN ORANG	PENYELUDUPAN MIGRAN
<p>Instrumen/ undang-undang antarabangsa yang terlibat adalah Protocol to Prevent, Suppress and Punish Trafficking in Persons, especially Women and Children di bawah UN Convention on Transnational Organised Crime.</p>	<p>Instrument/ undang-undang antarabangsa yang terlibat adalah Protocol Against The Smuggling Of Migrants By Land, Air And Sea di bawah UN Convention on Transnational Organised Crime.</p>
<p>Elemen utama bagi membuktikan sebarang kesalahan berhubung dengan pemerdagangan orang adalah unsur eksploitasi dan ia boleh berlaku di dalam sesebuah Negara tanpa melibatkan aspek rentas sempadan. Ianya boleh juga berlaku di peringkat domestik.</p>	<p>Elemen penting di dalam penyeludupan migran adalah ianya mesti melibatkan unsur rentas sempadan.</p>
<p>Melibatkan elemen eksploitasi, manipulasi, ancaman terhadap mangsa yang terlibat. Eksplotasi berterusan dan berulang.</p>	<p>Melibatkan kerelaan orang yang diseludupkan dan keuntungan terhadap sindiket penyeludupan manusia. Kegiatan penyeludupan tamat apabila tiba di destinasi.</p>

9) NEGARA PENERIMA – DEFINISI :

Maksudnya suatu negara yang ke dalamnya orang yang diperdagangkan atau migran yang diseludup dibawa sebagai sebahagian daripada perbuatan pemerdagangan orang atau penyeludupan migran, mengikut mana-mana yang berkenaan.

10) NEGARA TRANSIT – DEFINISI :

Maksudnya suatu negara yang darinya, atau yang ke dalam atau melaluinya, orang yang diperdagangkan atau migran yang diseludup, mengikut mana-mana yang berkenaan, dibawa atau membuat perjalanan melalui darat, laut atau udara atau tinggal secara sementara di dalamnya sebagai sebahagian daripada perbuatan pemerdagangan orang atau penyeludupan migran.

11) APAKAH KAEDAH ATAU LALUAN YANG DIGUNAKAN?

- i. Udara
- ii. Laut
- iii. Darat

12) APAKAH YANG ANDA PERLU LAKUKAN UNTUK MENGELAK DARI DIPERDAGANGKAN?

- Pastikan anda mendapat surat rasmi tawaran pekerjaan.
- Fahami kontrak pekerjaan yang ditawarkan kepada anda.
- Pastikan gaji anda adalah munasabah dengan skop kerja yang ditawarkan.
- Pastikan agensi/syarikat yang menawarkan pekerjaan adalah berdaftar dan berhak menawarkan pekerjaan.
- Pastikan anda mengetahui alamat tempat kerja/tempat tinggal, alamat dan nombor telefon kedutaan negara destinasi.
- Tidak merahsiakan maklumat pekerjaan dan negara destinasi daripada keluarga.

13)APAKAH CONTOH-CONTOH KES PEMERDAGANGAN ORANG

- Seorang kanak-kanak telah dipaksa untuk bekerja sebagai buruh paksaan.
- Seorang wanita yang berasal dari Thailand ditawarkan sebagai tukang urut tetapi dipaksa menjadi pelacur
- Seorang wanita Indonesia yang menjadi pembantu rumah telah dikurung dan tidak dibayar gaji. Mangsa yang tidak mempunyai permit kerja yang sah juga diugut akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia jika membuat aduan atau melarikan diri.
- Seorang warganegara India telah dijanjikan pekerjaan sebagai pekerja restoran di Malaysia, namun apabila tiba beliau dipaksa bekerja sebagai buruh binaan tanpa kerelaan.

14)KESALAHAN-KESALAHAN PEMERDAGANGAN ORANG

SEKSYEN	KESALAHAN	PENALTI
12	Memperdagangkan orang yang bukan merupakan seorang kanak-kanak, bagi maksud eksploitasi	Apabila disabitkan, hukuman penjara tidak lebih lima belas (15) tahun dan boleh dikenakan denda
13	Memperdagangkan orang yang bukan merupakan seorang kanak-kanak, bagi maksud eksploitasi dengan satu atau lebih cara berikut : (a) Ancaman; (b) Penggunaan kekerasan atau bentuk paksaan yang lain; (c) Pemelarian; (d) Fraud; (e) Perdayaan; (f) Penyalahgunaan kuasa; (g) Penyalahgunaan kedudukan orang yang mudah terdedah kepada perbuatan pemerdagangan orang; atau (h) Pemberian atau penerimaan bayaran atau faedah untuk memperoleh kerelaan seseorang yang mempunyai kawalan ke atas orang yang diperdagangkan	Apabila disabitkan, hukuman penjara tidak kurang tiga (3) tahun tetapi tidak melebihi dua puluh (20) tahun dan boleh dikenakan denda
14	Memperdagangkan orang yang merupakan seorang kanak-kanak, bagi maksud eksploitasi	Apabila disabitkan, hukuman penjara tidak kurang tiga (3) tahun tetapi tidak melebihi dua puluh (20) tahun dan boleh dikenakan denda
15	Kesalahan mendapatkan keuntungan daripada pengeksplotasian orang yang diperdagangkan	Apabila disabitkan, hukuman penjara tidak lebih lima belas (15) tahun dan boleh dikenakan denda lima ratus ribu ringgit tetapi tidak melebihi satu juta ringgit dan boleh juga dilucuthakkan keuntungan daripada kesalahan itu
15A	Kesalahan membawa dalam tansit orang yang diperdagangkan melalui Malaysia (darat, laut dan udara) atau mengatur atau memudahkan perbuatan itu dilakukan	Apabila disabitkan, hukuman penjara tidak lebih tujuh (7) tahun dan boleh dikenakan denda

15)KESALAHAN-KESALAHAN PENYELUDUPAN MIGRAN

SEKSYEN	KESALAHAN	PENALTI
26A	Kesalahan menjalankan penyeludupan migran	Apabila disabitkan, hukuman penjara tidak lebih lima belas (15) tahun dan boleh dikenakan denda atau kedua-duanya.
26B	Kesalahan penyeludupan migran yang lebih berat melibatkan : (a) Berniat untuk mengeksploitasi migran yang diseludup itu selepas kemasukannya ke dalam negara penerima atau negara transit sama ada oleh orang itu sendiri atau oleh orang lain; (b) Memperlakukan migran yang diseludup itu dengan layanan yang kejam, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah; atau (c) Kelakuan orang itu menimbulkan risiko kematian atau kemudaratan yang serius terhadap migran yang diseludup itu.	Apabila disabitkan, hukuman penjara tidak kurang tiga (3) tahun tetapi tidak lebih dua puluh (20) tahun dan boleh dikenakan denda atau kedua-duanya.
26C	Kesalahan membawa dalam transit seorang migran yang diseludup menerusi Malaysia melalui darat, laut, atau udara atau selainnya mengaturkan atau memudahkan perbuatan itu.	Apabila disabitkan, hukuman penjara tidak kurang tujuh (7) tahun dan boleh dikenakan denda atau kedua-duanya.
26D	Kesalahan mendapatkan keuntungan daripada kesalahan penyeludupan migran	Apabila disabitkan, hukuman penjara tidak kurang tujuh (7) tahun dan tidak lebih lima belas (15) tahun dan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada lima ratus ribu ringgit tetapi tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya dan boleh dilucuthakkan keuntungan daripada kesalahan itu.

16) SENARAI AGENSI PENGUATKUASA DI BAWAH AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN 2007 :

- a. Polis DiRaja Malaysia (Ketua)
- b. Jabatan Imigresen Malaysia
- c. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
- d. Kastam DiRaja Malaysia
- e. Jabatan Tenaga Kerja

17) MENGAPAKAH PEMERDAGANGAN ORANG SALAH DAN WAJAR DISEKATI?

- i. Merupakan salah satu kesalahan jenayah yang besar di dalam konteks kehidupan manusia yang mana ianya melanggar hak-hak asasi manusia menurut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).
- ii. Perlu dihalang kerana akan merosakkan bangsa yang bertamadun untuk terus menikmati kebebasan hidup yang sempurna.

18) MENGAPA IA DIANGGAP ZALIM DAN TIDAK BERTAMADUN?

- i. Kebebasan seorang manusia diikat dan tidak bebas untuk melakukan setiap aktiviti mengikut kehendak dan kemahuan sendiri.
- ii. Kehidupan seseorang manusia itu dipaksa tanpa kerelaan dirinya untuk melakukan sesuatu pekerjaan atau ditindas untuk mendapatkan keuntungan hasil daripada pekerjaan dilakukan.

19) APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN TIER?

Laporan Pemerdagangan Manusia (TIP) merupakan senarai kedudukan negara-negara dunia berdasarkan tahap pematuhan standard minimum dalam memerangi pemerdagangan manusia dan penilaian dilaksanakan setiap tahun oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat.

20)PENJELASAN TAHAP TIER.

- Tier 1 – mengaplikasikan sepenuhnya Akta Perdagangan Perlindungan Mangsa (TVPA) mengikut standard minimum.
- Tier 2 – tidak mengaplikasikan sepenuhnya Akta Perdagangan Perlindungan Mangsa (TVPA) mengikut standard minimum tetapi mempunyai usaha untuk memenuhi syarat yang ditetapkan.
- Tier 2 Watch List - tidak mengaplikasikan sepenuhnya Akta Perdagangan Perlindungan Mangsa (TVPA) mengikut standard minimum tetapi mempunyai usaha untuk memenuhi syarat yang ditetapkan, dan
 - i. Peningkatan mangsa yang diselamatkan.
 - ii. Gagal untuk membuktikan usaha untuk menangani perdagangan manusia berdasarkan pencapaian prestasi tahun sebelumnya.
 - iii. Penentuan untuk meningkatkan usaha menangani masalah perdagangan orang yang berdasarkan komitmen negara mengambil langkah-langkah yang sewajarnya pada tahun berikutnya.
- Tier 3 – tidak melakukan apa-apa usaha dan tidak mengaplikasikan sepenuhnya Akta Perdagangan Perlindungan Mangsa (TVPA)

21)APAKAH TINDAKAN KERAJAAN MALAYSIA DALAM MEMBERI PERLINDUNGAN KEPADA MANGSA PEMERDAGANGAN ORANG?

Kerajaan telah menyediakan beberapa rumah perlindungan bagi menempatkan mangsa-mangsa perdagangan orang. Mangsa tersebut akan dilindungi di rumah perlindungan tersebut sehingga proses rakaman keterangan mangsa selesai. Ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 44 dan 51 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

22)APAKAH TUJUAN RUMAH PERLINDUNGAN (RP) DIADAKAN?

Rumah Perlindungan adalah untuk melindungi mangsa yang telah diberikan Perintah Perlindungan Sementara (IPO) dan seterusnya mangsa yang diberikan Perintah Perlindungan (PO) sehingga proses rakaman keterangan mangsa selesai.

23)APAKAH KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN DI RUMAH PERLINDUNGAN?

Mangsa-mangsa pemerdagangan orang akan diberikan kemudahan tempat tinggal, makan minum, aktiviti riadah dan juga sesi kaunseling.

24)APAKAH HAK MANGSA PEMERDAGANGAN ORANG INI DILINDUNGI DAN DIJAMIN?

Ya, mereka akan dilindungi dari ancaman luar dan juga diberikan kebebasan untuk menjalankan aktiviti mereka sendiri.

25)APAKAH YANG PERLU ANDA LAKUKAN APABILA TERSEREMPAK DENGAN UNSUR-UNSUR PEMERDAGANGAN ORANG DAN PENYELUDUPAN MIGRAN?

Hubungi **999**

26)APAKAH HARAPAN KERAJAAN MALAYSIA BERKAIT ISU PEMERDAGANGAN ORANG DAN PENYELUDUPAN MIGRAN?

Adalah menjadi harapan Kerajaan supaya rakyat Malaysia bersama-sama berganding bahu dalam menangani kedua-dua jenayah ini. Rakyat dapat memainkan peranan dengan menyalurkan maklumat sekiranya terdapat perkara-perkara yang mencurigakan. Jadilah warga yang prihatin bagi mengelakkan lebih ramai manusia yang menjadi mangsa.